

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN MOHAMAD JIWA

11 DISEMBER 2023

Disediakan oleh: Hamidah Mohd

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
KAMPUS KEDAH



Program ini adalah penganjuran bersama Perpustakaan Sultan Badlishah dan Kumpulan Pelajar KIM1105A Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah untuk Program Khidmat Masyarakat di Pusat Sumber Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa. Program ini telah dilaksanakan pada 11 November 2023 bertempat di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah. Antara program yang dijalankan sepanjang CSR ialah Bengkel Sumber Maklumat dan Kaedah Mengakses Maklumat, Reference Teamwork Game: RefHunters dan Circulation teamwork game: BoCHOG.

Program khidmat masyarakat ini akan dijalankan secara kerjasama bersama kumpulan pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat bagi memenuhi keperluan kerja kursus IMD 314 : Extension Services for Information Agencies. Manakala bagi pihak Perpustakaan Sultan Badlishah pula adalah untuk mencapai Petunjuk Prestasi Perpustakaan UiTM yang ke dua belas iaitu bilangan program khidmat Masyarakat Perpustakaan UiTM. Selain itu, memberikan latihan dan khidmat nasihat berkaitan pengurusan pusat sumber sekolah. Membantu pihak sekolah menyediakan suasana pusat sumber yang menarik dan selesa. Mengadakan aktiviti-aktiviti literasi maklumat dalam memperkasakan budaya membaca. Dan membuka minda pelajar tentang peranan dan kepentingan pusat sumber sekolah dalam proses pembelajaran.

Diharapkan agar program ini dapat memberi pengalaman dan pengajaran kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut. Inisiatif ini akan memberikan impak positif kepada pelajar dengan membolehkan mereka menikmati pusat sumber atau perpustakaan yang kondusif dan selesa. Kemudahan pusat sumber dan perpustakaan yang baik akan meningkatkan penggunaannya serta membantu memupuk amalan dan minat membaca yang sejati dalam kalangan masyarakat.

